

ESTEEM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model

Mohamad Abdullah Hemdi

A New Estimator and its Performance

Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe

The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry

Shaira Ismail

The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning

Mah Boon Yih

Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms

Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan

Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam

Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud

Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah

Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli

Hoe Foo Terng
Cheun Heng Huat
Ho Wee Chee

EDITORIAL BOARD
ESTEEM VOLUME 5, NUMBER 2, 2009
Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang
SCIENCE & TECHNOLOGY AND SOCIAL SCIENCES

ADVISORS

Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah
Assoc. Prof. Mohd Zaki Abdullah

PANEL REVIEWERS

Assoc. Prof. Dr. Foo Fong Lian (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Mohd Salehuddin Mohd Zahari (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Normala Daud (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Dr. Roshidi Hassan (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Cheun Heng Huat (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Norhayuza Mohamad (*Universiti Teknologi MARA*)
Dr. Sarminah Samad (*Universiti Teknologi MARA*)
Laila Mohammad Kamaruddin (*Universiti Teknologi MARA*)
Sofwan Hasbullah (*Universiti Teknologi MARA*)
Assoc. Prof. Ir. Dr. Md. Azlin Md. Said (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Khadijah Zon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. T. Ramayah (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Aziah Ismail (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Farid Ezanee Mohamed Ghazali (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Muhammad Azizan Sabjan (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Noor Hazlina Ahmad (*Universiti Sains Malaysia*)
Dr. Ong Hong Choon (*Universiti Sains Malaysia*)
Assoc. Prof. Dr. Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (*Universiti Malaya*)
Dr. Ahmad Zuhdi Ismail (*Universiti Malaya*)
Dr. Mohd Roslan Mohd Nor (*Universiti Malaya*)
Dr. Nor 'Azzah Kamri (*Universiti Malaya*)
Dr. Siti Arni Basir (*Universiti Malaya*)
Assoc. Prof. Dr. Latifah Amin (*Universiti Kebangsaan Malaysia*)
Dr. Hj. Adnan Yusopp (*Universiti Putra Malaysia*)

CHIEF EDITOR

Mohd Aminudin Murad

MANAGING EDITOR

Hoe Foo Terng

PANEL EDITORS

Baderisang Mohamed
Lim Teck Heng
Liaw Shun Chone

Ahmad Khair Mohd Nor
Zuraidah Jantan

Copyright © 2009 by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form or any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without prior permission, in writing, from the publisher.

Esteem Academic Journal is jointly published by the Universiti Teknologi MARA, Pulau Pinang and University Publication Centre (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

ESTEEM

UNIVERSITY COLLEGE MALAYSIA
UITM, SHAH ALAM

Academic Journal UiTM Pulau Pinang

Volume 5, Number 2

December 2009

ISSN 1675-7939

Foreword

iii

1. Service Employees' Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model 1
Mohamad Abdullah Hemdi
2. A New Estimator and its Performance 21
Ng Set Foong
Low Heng Chin
Quah Soon Hoe
3. The Sustainable Competitive Advantage: Elements of Business Strategy for Surviving in the Franchising Industry 39
Shaira Ismail
4. The Manifestation of Native Language Transfer in ESL Learning 61
Mah Boon Yih
5. Exploring International Construction Projects: Views from Malaysian Construction Firms 71
Che Khairil Izam Che Ibrahim
Abdul Rahman Ayub
Nadira Ahzahar
Siti Hafizan Hassan
6. Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam 93
Zulkifli Dahalan
Wahairi Mahmud
7. Pembangunan Sains dan Teknologi di IPTA: Satu Analisis Sejarah 115
Rahimin Affandi Abd Rahim
Nor Adina Abdul Kadir
Ahmad Faisal Abdul Hamid
Zulkifli Dahalan

8. Masalah Pembelajaran Urutan Kata dalam Ayat Bahasa Mandarin dalam Kalangan Pelajar Bukan Penutur Asli Hoe Foo Terng Cheun Heng Huat Ho Wee Chee	149
9. The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English Cheang Eng Kwong	165
10. Persepsi Pelajar Terhadap Kredibiliti Pensyarah Pendidikan Islam: Satu Kajian Che Haslina Abdullah Zulkefli Mohamad Siti Khalijah Majid Saharani Abdul Rashid	183
11. Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina Roshaimizam Suhaimi Jasni Sulong	201
12. Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih Zulkifli Dahalan	215
13. Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM Peridah Bahari Fatimah Bahari	231
14. Pertembungan Tamadun Islam dan Tamadun Barat: Di Mana Letaknya Konflik? Mohd. Hapiz Mahaiyadin Khaliff Mu'ammor A. Harris	241
15. Kedudukan Para Nabi, Malaikat dan Jin Menurut Perspektif Islam Halipah Hamzah	257

Foreword

Alhamdulillah. Firstly, I would like to express my thanks and congratulations to the Editorial Board of *Esteem Academic Journal* of Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pulau Pinang for their diligent work in helping to produce this second issue of volume 5. I also would like to thank the reviewers for the excellent vetting of the manuscripts. A special thanks to University Publication Centre (UPENA) of UiTM for giving us this precious opportunity to publish twice this year. In this bilingual science & technology and social sciences issue, similar to the first issue we managed to invite more reviewers from our university as well as other universities in Malaysia. In the near future, we will approach and invite more international reviewers to be in the Editorial Board in order to internationalize our journal. Again, this current issue remarks a new height of the journal standard.

In this issue, we have compiled another 15 interesting articles. The first article is entitled “Service Employees’ Acceptance of Hotel Front Office Systems: A Test of Technology Acceptance Model” written by Mohamad Abdullah Hemdi. The author makes an attempt to investigate the relationship between information system quality, perceived ease of use, perceived ease of usefulness and attitude towards use by adopting an extended technology acceptance model (TAM). This article also presents theoretical and practical contributions for hotel managers and hotel information system (HIS) practitioners in order to increase frontlines acceptance of HFOS. The second article by Ng Set Foong, Low Heng Chin and Quah Soon Hoe proposed a new estimator as an alternative of the Ordinary Least Squares Estimator for linear regression model. This new estimator is shown to have a reduction in mean squared error compared to the mean squared errors of the special case of Liu-type estimator and the Ordinary Least Square Estimator under certain conditions.

Shaira Ismail in her article studies the elements of business strategy for surviving in the franchising industry. The author concluded that the firm’s competitive advantages need to be explored and defined as a blueprint for business strategic planning. The extremely important factors contributing to a company’s competitive advantage are in relations to customers and products. The fourth article by Mah Boon Yih is primarily concerned about how the learner’s existing linguistic knowledge influences the course of English language development among Chinese ESL learners.

The use of English language presented in the form of written work from the samples of 12 students has manifested itself the impact of their L1 (Chinese) transfer in their second language acquisition.

The fifth article by Che Khairil Izam Che Ibrahim et al. surveyed the awareness on analyzing major determinants of goals and benefits in international construction market. Findings indicate that as Malaysian construction firms go international, determination of a firm's basic goals and long term benefits is a really important aspect in exploring international construction projects. Zulkifli Dahalan and Wahairi Mahmud in their article entitled "Pengurusan Perubahan Menurut Perspektif Islam" discuss how managing changes can strengthen an organization, in a way that is in accordance to Islam. Leaders play important role since the success of an organization depends on the leaders' ability to manage the changes.

Rahimin Affandi Abd Rahim et al. focused on the review of the development of Islamic science and technology framework in public universities. The authors concluded that the process and move in developing Islamic science and technology framework in universities is still a distant away from reaching its target. The eight article by Hoe Foo Terng, Cheun Heng Huat and Ho Wee Chee looks into the problems and difficulties in learning phrases and sentences in Mandarin language among non-Mandarin spoken students as well as the causing factors and the strategies to overcome the problems. The results show that students always make Mandarin grammar mistakes due to the influence of their mother tongue language, mistakes by opposing the logical, chronological or time, or carelessness.

The article entitled "The Influences of Gender, Courses and Speaking English at Home on Factors Contributing to Poor Spoken English" by Cheang Eng Kwong highlights the factors that contribute to the poor proficiency of spoken English among the diploma students in UiTM Pulau Pinang. The results of the study concluded that both internal and external factors have resulted in the poor use of spoken English among the students. The tenth article by Che Haslina Abdullah et al. is a result of a research on the students' perception on lecturers teaching Islamic Studies course. The results indicated a high percentage of students agree that the Islamic Studies lecturers have higher credibility.

The eleventh article by Roshaimizam Suhaimi and Jasni Sulung entitled "Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina" emphasizes on Ibn Sina's contributions in medical or medicine knowledge as well as the everlasting Islamic medical knowledge that is still being used until today although his name has not been properly recognized and acknowledged

by the West. Zulkifli Dahalan's article entitled "Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Prasekolah: Kajian Terhadap Kurikulum Pengajaran Beberapa Prasekolah Terpilih" concentrates on the Islamic learning process and curriculum in selected kindergarten or preschool. The authors monitor the total learning hours for Islamic Studies course and other courses and suggested Islamic Studies course to be as a part of the preschool curriculum.

The article entitled "Peranan Pensyarah dalam Penambahbaikan Kualiti Pengajaran di UiTM" by Peridah Bahari and Fatimah Bahari discusses the role of lecturers in the development of higher learning as well as to enhance the quality of teaching. The fourteenth article discusses the conflict between Islamic civilization and Western civilization. The authors, Mohd. Hapiz Mahaiyadin and Khaliff Mu'ammar A. Harris suggested that the Islamic civilization could coexist with the Western if the West is able to understand Islam and the Muslim society. However, the full understanding is difficult to achieve since Islam civilization is concerned about revealing the truth while the Western civilization is about concealing the truth. The last article entitled "Kedudukan Para Nabi, Malaikat, Jin dan Iblis Menurut Pemikiran Islam" written by Halipah Hamzah looks into the position of *nabi*, *malaikat*, *jin* and *iblis* from an Islamic point of view.

Mohd Aminudin Murad
Chief Editor
Esteem, Vol. 5, No. 2, 2009
(Science & Technology and Social Sciences)

Konsep Asas Ilmu Perubatan Islam Menurut Ibn Sina

Roshaimizam Suhaimi

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Emel: roshaimizam@ppinang.uitm.edu.my

Jasni Sulong

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

ABSTRAK

Ibn Sina (980-1037 M) merupakan seorang tokoh dalam bidang sains perubatan Islam yang lebih dikenali di sebelah dunia intelektualisme Barat dengan nama Avicenna melalui karyanya al-Qanun fi'l-Tibb. Ibn Sina menjelaskan bahawa perubatan merupakan pengetahuan berkaitan dengan kesihatan keadaan tubuh badan dan kemerosotan dalam kesihatan. Ia bertujuan bagi memelihara kesihatan dan juga usaha ke arah pemuliharaannya. Kebijaksanaan Ibn Sina digambarkan dalam al-Qanun melalui pengelasan dan penyusunan ilmu perubatan pada zaman tersebut dan dipersembahkan dalam bentuk yang logik. Satu aspek pemikiran Ibn Sina tentang perubatan ialah beliau amat menekankan kepentingan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Ini amat bertepatan dengan ajaran wahyu Islam yang amat menekankan penjagaan kesihatan berbanding dengan merawat sesuatu penyakit. Falsafah dan pemikiran yang dikemukakan Ibn Sina boleh dikaitkan dengan perubatan Islam, dan ia serasi dengan Perubatan Nabi-nabi atau lebih dikenali Tibb al-Nabawi, walaupun kedua-duanya tidak semestinya sama dalam semua perkara termasuk dari segi prinsip serta pendekatan. Antara perkara penting yang telah dikemukakan Ibn Sina adalah kesederhanaan (wasatiyyah) dan keseimbangan (mizaan) sebagai jalan terbaik bagi langkah penjagaan kesihatan. Justeru kertas kerja ini akan cuba mengupas isu-isu berkaitan.

Kata kunci: *Al-Qanun fil tibb, perubatan Islam, perubatan para nabi, pemikiran*

Pendahuluan

Dalam sejarah ketamadunan Islam, kegemilangan dunia falsafah dan ilmuwan Islam mencapai kemuncaknya di Andalusia dalam satu transisi peralihan keilmuan ke dunia Barat dan Eropah. Begitu juga sejarah kegemilangan ilmu perubatan Islam yang diwarisi tokoh-tokoh perubatan Muslim Andalusia tidak dapat tidak dipengaruhi oleh sarjana-sarjana perubatan Islam awal seperti al-Razi dan Ibn Sina. Dunia Islam Barat yang bertapak di Andalusia, sudah pasti memberikan sumbangannya terhadap perkembangan perubatan Islam hasil daripada sumbangan dan pengaruh mereka berdua (Ismail Saad, 1985). Walaupun falsafah perubatan mereka berdua dikatakan diserap daripada ajaran perubatan Yunani, terutamanya doktrin Galen, seperti teori *humor* (unsur-unsur tubuh badan) sehingga ada yang memberikan gelaran *Galenisme Arab*, namun kebijaksanaan Ibn Sina dapat mensintesiskannya dengan acuan dan kehendak budaya Islam sehingga diistilahkan doktrin Ibn Sina sebagai perubatan Islam. Merujuk kepada kegemilangan Andalusia khususnya Cordova, ia merupakan pusat kegiatan ilmu perubatan dalam kurun kesepuluh masih. Pada zaman tersebut ilmu dan budaya falsafah Yunani mengalir masuk ke Andalusia melalui sumber Islam di sebelah Timur dan juga sebahagian daripadanya adalah sumbangan dari Parsi.

Selepas akhir abad kesebelas, kemasyhuran falsafah logik dan doktrin perubatan al-Razi dan Ibn Sina di sebelah Timur semakin berkurangan, tetapi di Andalusia dan di dunia sebelah Barat doktrin dan falsafah mereka termasuklah falsafah perubatan semakin mendapat perhatian. Ini dibuktikan berdasarkan pembelaan oleh tokoh ilmuwan Andalusia seperti *Ibn Rusyd* dalam karya beliau *Tahafut al-Tahafut* terhadap pemikiran Ibn Sina yang dikritik *al-Ghazali*. Selain itu, terdapat beberapa tokoh falsafah perubatan yang amat dikenali yang muncul di Andalus seperti *Ibn Tufail* seperti pelopornya *Ibn Rusyd* yang lebih dikenali sebagai tokoh dalam dunia falsafah dan beliau telah mengarang beberapa karya perubatan seperti *al-Kulliyat fi al-Tibb* (The Book of Generalities on Medicine) yang juga menghuraikan karya perubatan Ibn Sina (Seyyed Hossein Nasr, 1987).

Tambahan pula di Parsi kemudiannya, kemegahan Ibn Sina diikuti oleh *Ismail Sharaf al-Din al-Jurjani* yang menghasilkan karya

ensiklopedia perubatan di mana kandungan serta gaya penulisannya menunjukkan bahawa buku itu hampir setaraf dengan *al-Qanun* karya Ibn Sina dan *al-Hawi* karya al-Razi (Ismail Saad, 1985). Justeru, melihat kepada pengaruh pemikiran dan falsafah perubatan Ibn Sina ini, sudah pasti karya beliau mempunyai tarikan yang tersendiri terutamanya dalam hubungan dan konsepsinya dengan perubatan Islam serta *Tibb al-Nabawi*.

Biografi Ibn Sina

Ibn Sina merupakan seorang ahli falsafah, saintis, ahli perubatan dan penyair yang bijaksana dalam pelbagai lapangan keilmuan. Beliau menjadi seorang yang paling berpengaruh antara tokoh ilmuan Islam dalam lapangan keilmuan sehingga diberi gelaran *al-Shaikh al-Ra'is* dan *Hujjat al-Haqq* (Seyyed Hossein Nasr, 1964). Tarikh sebenar kelahiran Ibn Sina menimbulkan banyak perbincangan, namun *Abi Usaibi'ah* dalam bukunya '*Uyun al-Anba' fi Tabaqat-il al-Atibba'* menyatakan tarikh sebenar kelahiran beliau adalah pada tahun 985 Masihi, dan beliau meninggal dunia pada tahun 1036 Masihi. Tetapi secara umumnya, Ibn Khallikan dan ramai lagi menyatakan bahawa tarikh sebenar kelahiran beliau adalah pada bulan Ogos tahun 980 Masihi bersamaan bulan Safar 370 Hijrah di sebuah perkampungan Afshana dalam wilayah Balkh (Cyril Elgood, 1951). Walaupun beliau meninggal dunia sebelum mencapai usia 60 tahun tetapi karya-karya peninggalan Ibn Sina memberikan kesan yang meluas sehingga ke dunia Eropah/Barat. Beliau merupakan putera sulung kepada Abdullah al-Isma'il bersama putera keduanya Mahmud, dan bapanya merupakan gabenor kerajaan Kharmaithan di Afshana. Manakala ibunya, Sittare berasal dari Afshana berketurunan Parsi. Ibn Sina dengan nama penuhnya Abu Ali al-Hussain ibn Abd Allah ibn Sina, juga digelar dengan *Avicenna* di sebelah Barat.

Seawal usia lima tahun, Ibn Sina telah didedahkan dengan dunia keilmuan setelah bapanya berpindah ke Bukhara. Pada peringkat ini, beliau didedahkan dengan pengajian al-Quran yang kemudiannya barulah didedahkan dengan ilmu-ilmu yang lain. Semasa berusia enam belas tahun dengan nasihat Abu Sahl Isa bin Yahya al-Masihi iaitu seorang ahli perubatan Kristian dari Jurjan, Ibn Sina memulakan pembelajarannya dalam dunia perubatan bawah bimbingan Abu Mansur Hasan bin Nuh al-Qamari (Cyril Elgood, 1951). Dalam autobiografi beliau yang dihasilkan pengikut setianya *al-Juzjani* ada menyatakan bahawa pada peringkat

awal Ibn Sina merawat pesakitnya tanpa mengenakan sebarang bayaran kerana beliau ingin memberikan tumpuan yang lebih terhadap penelitian dan pembelajaran tentang ilmu tersebut. Bagi Ibn Sina juga, ilmu perubatan merupakan satu cabang ilmu yang tidak sukar untuk dipelajari.

Kemudian, disebabkan situasi politik yang tidak stabil di Asia Tengah dan kematian bapanya, Ibn Sina telah meninggalkan tempat kelahirannya dan mengembara ke bandar-bandar lain di sebelah wilayah Parsi. Beliau kemudiannya menetap di Rayy dan seketika di Hamadan serta dilantik sebagai gabenor yang kemudiannya terpaksa berhadapan dengan situasi yang penuh mencabar di sana. Di semua tempat yang beliau menetap, Ibn Sina bertugas sebagai ahli perubatan kepada Raja Buwayhid yang kemudiannya memerintah Parsi. Pada akhir hayat beliau, Ibn Sina kembali semula ke Hamadan dan meninggal dunia di sana. Ibn Sina merupakan seorang tokoh yang amat bersemangat. Walaupun beliau hidup dalam kesukaran dan kadangkala dibebani dengan urusan pentadbiran, namun beliau masih mampu menulis hingga 250 buah karya dalam pelbagai lapangan keilmuan (Seyyed Hossein Nasr, 1964).

Antara karya beliau yang paling masyhur hingga ke hari ini ialah *Canon of Medicine* (*al-Qanun fi al-tibb*) yang merupakan karya terhebat perubatan Islam sehingga mampu mempengaruhi dunia keilmuan sebelah Barat. Karya tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Latin dan diajar di universiti-universiti sebelah Barat/Eropah. Karya kedua terhebat Ibn Sina ialah *Kitab al-Shifa'* yang mengandungi pemikiran beliau dalam lapangan falsafah, ilmu logik, matematik dan sains alam. Hasil pemikiran dan penulisan ini menyebabkan pengaruh Ibn Sina di sebelah Timur dan Barat amat meluas. Di sebelah dunia Islam, semangat yang beliau tunjukkan telah memberikan sumbangan yang besar dalam perkembangan dan kemajuan intelektual Muslim, terutamanya sumbangan tentang falsafah dan ilmu perubatan.

Konsep Perubatan Islam

Berbanding dengan pandangan dunia Barat yang cenderung memisahkan antara sains dan agama, Islam telah bertindak sebaliknya. Sumber perundungan Islam, *al-Quran* dan *al-Hadis* merupakan rujukan utama dalam pelbagai lapangan kehidupan Muslim. Sesuai dengan ajaran Islam yang menjadi satu cara hidup bagi manusia, Islam mengajar individu dan masyarakatnya tentang tatacara kehidupan yang sepatutnya. Antaranya, *al-Quran* dan Rasulullah SAW menganjurkan kehidupan dengan

mengamalkan pemakanan yang sihat serta melarang sesuatu yang boleh membawa kebinasaan kepada tubuh badan seperti pengambilan arak, dadah, rokok dan lain-lain lagi. Manakala makanan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran, madu, susu unta, air *zam-zam* pula digalakkan untuk pemakanan yang berkhasiat. Walaupun *al-Quran* bukanlah buku khusus tentang perubatan tetapi *al-Quran* telah menggariskan kaedah perubatan tertentu seperti membicarakan beberapa jenis penyakit (*al-Mara'id*) khususnya penyakit hati yang boleh membawa kepada penyakit jiwa dan fizikal sama ada secara langsung atau tidak langsung. Justeru, amat jelas *al-Quran* dan panduan Rasulullah SAW telah memberikan kesan yang mendalam terhadap kehidupan manusia. Maksud hadis baginda Rasulullah SAW:

“Tiada penyakit yang Allah turunkan, melainkan Dia turunkan penawarnya juga”.

Berdasarkan hadis ini jelas membuktikan galakan kepada sarjana-sarjana Islam untuk membuat kajian dan penyelidikan dalam dunia ilmu perubatan. Justeru, jika kita menoleh ke zaman lampau, yakni antara kurun kesembilan hingga kurun kelima belas Masihi, kita dapat umat Islam menjadi pelopor dan peneraju dalam dunia perubatan. Nama-nama seperti al-Kindi (800-873 M), Ibn al-Haitham (965-1040 M), Ibn Sina (981-1037 M), al-Zahrawi (936-1013 M) dan ramai lagi amat terkenal dari dahulu hingga ke hari ini. Setelah berakhirnya kegemilangan tamadun Islam dan bersemaraknya keilmuan di dunia Barat, ilmu perubatan yang diasaskan umat Islam terus dijadikan rujukan utama oleh dunia Barat.

Perbincangan mengenai konsep dan istilah perubatan Islam agak meluas dan tidak terhenti pada satu noktah yang muktamad. Dalam buku *History of Medicine*, perubatan Islam didefinisikan sebagai pengetahuan tentang dunia perubatan semasa zaman era kegemilangan tamadun Islam yang bermula antara lewat kurun ketujuh hingga kurun ketujuh belas masihi (Hassan Hathout, 1983). Osman Bakar (1999) menjelaskan perubatan Islam sebagai satu ilmu yang dibangunkan umat Islam daripada pelbagai bangsa dan asal-usul sejak zaman-berzaman yang bermula daripada kelahiran masyarakat Islam terawal hingga ke hari ini. Omar Hassan Kasule (2005) menjelaskan bahawa perubatan Islam sebagai perubatan yang meletakkan paradigma, konsep, nilai dan prosedur yang bertepatan dengan *al-Quran* dan *al-Sunnah*. Ia bukanlah suatu konsep yang khusus dan tertentu tetapi perubatan Islam merupakan sesuatu yang sejagat, menyeluruh, fleksibel dan berkembang dalam ruang lingkup

wahyu. Justeru, apa-apa sahaja cara dan kaedah perubatan yang bersesuaian dan mematuhi kriteria-kriteria di atas maka ia layak dikenali sebagai perubatan Islam.

Sulaiman Nordin (1995) mengaitkan perubatan Islam dengan perubatan para Nabi (*Tibb al-Nabawi*) yang berdasarkan ilmu wahyu sama ada daripada al-Quran atau al-Sunnah. Ia seharusnya mempunyai konsep dan prinsip yang tertentu dan segala ciri perubatan yang dipraktikkan seseorang Muslim, manakala yang bertentangan dengan ilmu wahyu tidak boleh dianggap sebagai perubatan Islam. Seharusnya, konsep dan pengertian kepada perubatan Islam begitu luas dan menyeluruh sesuai dengan sifat *syumuliah* (lengkap dan menyeluruh) Islam itu sendiri. Yang jelas *Tibb al-Nabawi* itu adalah sebahagian daripada perubatan Islam, termasuklah juga sumber-sumber pemikiran sarjana Islam terdahulu seperti Ibn Sina, al-Razi dan lain-lain lagi. Perubatan Islam boleh merangkumi perubatan Arab atau tradisional sebelum kedatangan Islam, perubatan daripada tamadun dunia yang lain seperti Tamadun Yunani bahkan perubatan moden dan saintifik pada hari ini juga boleh disandarkan kepada perubatan Islam jika ia menepati cara dan kaedah yang dibenarkan syarak. Bahkan kemajuan dan perkembangan dunia perubatan moden pada hari ini juga tidak dapat lari daripada sumbangan pemikiran sarjana-sarjana Islam lampau.

Islam adalah agama *samawi* yang mengatur keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat, jasmani dan rohani dan Islam tidak terhad dalam aspek ibadah semata-mata. Islam menganjurkan umatnya mencapai kemajuan dan kecemerlangan dalam segenap hal secara global dan holistik. Malah Islam mengambil perhatian yang berat kepada kesihatan badan dan kerohanian hingga terdapat banyak ajaran yang dianjurkan oleh Islam bagi tujuan kebersihan jasmani seperti mengambil wuduk, mandi, istinjak dan lain-lain lagi. Begitu juga penentuan-penentuan tentang makanan dan minuman yang dihalalkan dan yang diharamkan juga diterangkan. *Al-Quran* dan *al-Sunnah* telah memberikan satu ruang bagi pengembangan ilmu perubatan yang dinamik, menolak jauh unsur-unsur tahuyl yang tidak rasional serta menjaga keseimbangan antara usaha atau ikhtiar, dan berdoa dalam mengubati sesuatu penyakit. Jika diteliti dalam *al-Quran* dan Hadis-hadis Rasulullah SAW banyak dijelaskan tentang usaha menjaga kesihatan termasuk usaha pengubatan bagi tujuan penyembuhan penyakit hendaklah dilakukan melalui suatu mekanisme pemeliharaan kesihatan.

Jika diteliti apa yang terkandung dalam *Tibb al-Nabawi*, ia bukanlah sepenuhnya datang hanya daripada Baginda Rasulullah SAW semata-

mata, malahan ada sebahagiannya merupakan warisan daripada perubatan orang-orang Arab sebelum kedatangan Islam yang diakui kesesuaianya oleh Rasulullah SAW. Sebahagian peraturan dan anjuran penjagaan kebersihan yang didapati dalam *al-Quran* dan *al-Sunnah* berasaskan apa yang diperoleh baginda Rasulullah SAW daripada orang-orang Yahudi dan Kristian. Manakala hal-hal berkaitan dengan penyakit dan rawatan baginda peroleh daripada ahli perubatan Arab-Kristian iaitu, Harith ibn Kaladah. Antara aturan penting yang dinyatakan Harith ibn Kaladah adalah perut sebagai punca kepada segala penyakit. Ini juga ditekankan oleh Ibn Khaldun di dalam bukunya *al-Muqaddimah* bahawa punca kepada penyakit adalah makanan.

Ibn Sina dan Perubatan Islam Ilmu Perubatan Menurut Ibn Sina

Perubatan menurut Ibn Sina dalam karyanya *al-Qanun fi'l-tibb* merupakan pengetahuan berkaitan dengan kesihatan keadaan tubuh badan dan kemerosotan dalam kesihatan. Ia bertujuan bagi memelihara kesihatan dan juga usaha ke arah pemuliharaannya. Karya Ibn Sina tersebut dianggap sebagai karya yang paling berpengaruh dalam sejarah perubatan yang merangkumi lima bahagian utama. Bahagian pertama menjelaskan prinsip-prinsip umum perubatan termasuklah falsafah ilmu perubatan, bahagian-bahagian anggota badan, anatomi, fisiologi, penjagaan kesihatan dan rawatan penyakit. Bahagian kedua memperincikan ubat-ubatan ringkas, bahagian ketiga menjelaskan penyakit-penyakit yang berkaitan dengan organ, bahagian keempat menghuraikan penyakit-penyakit umum serta demam manakala bahagian terakhir menghuraikan formula ubatan kompleks. Karya ini tidak mempunyai perbezaan yang jauh ketara dengan pelopor-pelopor perubatan sebelum Ibn Sina, sama ada al-Razi (865-920 Masihi) dan Ali Ibnu'l-Abbas (m.d. 944 Masihi), di mana kedua-duanya telah mempersempahkan doktrin Hippocrates (460-377 S.M), yang kemudiannya diperkemaskan Aristotle (384-322 S.M) dan Galen (131-210 Masihi). Walau bagaimanapun, *al-Qanun* dilihat lebih rasional dan sistematik berbanding dengan karya-karya awal perubatan pada masa itu. Kebijaksanaan Ibn Sina digambarkan dalam *al-Qanun* melalui pengelasan dan penyusunan ilmu perubatan pada zaman tersebut dan dipersembahkan dalam bentuk yang logik.

Ibn Sina bukan sahaja ahli perubatan Islam yang terulung malahan sumbangannya telah diperakui oleh dunia Islam dan juga para sarjana

Barat dahulu dan kini. Keilmuan beliau dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan juga sememangnya tidak dapat disangkal lagi sehingga disebut oleh S.H. Nasr (1987):

“...Ibn Sina mewakili contoh kecemerlangan seorang ilmuwan dan sarjana di mana pelbagai lapangan ilmu pengetahuan disatukan...”

Keselarian dengan Perubatan Islam

Falsafah dan pemikiran yang dikemukakan Ibn Sina yang boleh penulis kaitkan dengan perubatan Islam, juga sebenarnya adalah serasi dengan *Tibb al-Nabawi* walaupun kedua-duanya tidak semestinya sama dalam semua perkara termasuk daripada segi prinsip serta pendekatan. Sarjana ilmuwan Islam daripada aliran Peripatetik (*Masyaiyyun*) iaitu satu aliran falsafah yang diasaskan oleh Aristotle, telah menunjukkan ketajaman fikiran dan minat yang mendalam melalui aspek pemerhatian dan eksperimentasi berdasarkan hasil kerja beliau dalam mendiagnosis sesuatu penyakit dan kesan daripada penggunaan ubat-ubatan tertentu terhadap penyakit tersebut. Kemampuannya menerapkan prinsip-prinsip logik dalam rawatan amat mengagumkan. Malahan, Ibn Sina dan juga pelopornya al-Razi sangat dikenali sebagai ahli falsafah perubatan Islam.

Satu aspek pemikiran Ibn Sina tentang perubatan ialah beliau amat menekankan kepentingan penjagaan kesihatan dan pencegahan penyakit. Ini amat bertepatan dengan ajaran wahyu Islam yang amat menekankan penjagaan kesihatan berbanding merawat sesuatu penyakit. Malahan sejarah ketamadunan perubatan Islam menunjukkan penjagaan kesihatan merupakan tujuan utama sistem perubatan. Ini amat bertepatan dengan anjuran Islam sendiri *al-wiqayah khairun min al-'ilaj* (pencegahan lebih utama dari merawat). Malah Rasulullah SAW telah meletakkan panduan yang jelas tentang aspek ini yang dikenali dengan perubatan pencegahan. Baginda telah meletakkan langkah-langkah penting dalam usaha mengelakkan penyakit sama ada penyakit biasa atau penyakit berjangkit. Ia bertujuan untuk melindungi individu atau masyarakat daripada bencana wabak penyakit. Rasulullah SAW ada bersabda yang bermaksud:

“Larilah daripada penyakit kusta sebagaimana kamu lari daripada singa”.

Dalam satu maksud hadis lain Baginda SAW juga bersabda;

Maksudnya: *Bila kamu mendengar tentang penyakit itu (taun) di suatu daerah, maka janganlah kamu memasuki daerah itu dan bila penyakit itu berkembang di suatu daerah di mana kamu sedang berada di sana, maka janganlah kamu keluar dari daerah itu untuk menghindar dari penyakit itu.*

Perubatan pencegahan (*tibb wiqa'i*) ini adalah salah satu daripada cabang ajaran Islam berdasarkan beberapa firman Allah SWT, antaranya Surah al-Nahl ayat 81 yang bermaksud:

“Dan Allah menjadikan bagi kamu sebahagian dari yang diciptakan-Nya: Benda-benda untuk berteduh dan Dia menjadikan bagi kamu sebahagian dari gunung-ganang tempat-tempat berlindung dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas dan sejuk, juga pakaian-pakaian yang memelihara kamu semasa berjuang. Demikianlah, Dia menyempurnakan nikmat-Nya kepada kamu, supaya kamu berserah diri kepada-Nya dan mematuhi perintah-Nya”.

Ini dijelaskan lagi oleh Ibn Sina tentang perubatan sebagai:

“Perubatan ialah ilmu bagi menjaga kesihatan tubuh badan dan mengelakkan diri daripada sebarang kemerosotan dalam kesihatan badan; ia bertujuan memelihara kesihatan dan mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memelihara kesihatan dalam keadaan kesakitan”.

Berasaskan definisi yang dikemukakan Ibn Sina ini, amat jelas bahawa penjagaan kesihatan merupakan perkara yang paling utama daripada merawat sesuatu penyakit. Islam sendiri amat menganjurkan pemeliharaan kesihatan berbanding merawat penyakit. Ibn Sina memberikan penekanan yang amat penting dalam aspek tersebut sama ada daripada segi teori ataupun praktis ilmu perubatan dan juga aspek keseimbangan yang perlu dipelihara. Dalam kata lain, antara faktor utama dan kesan-kesannya, yakni antara pendorong dan tindak balas. Ia meliputi tujuh perkara yang memerlukan perhatian yang serius iaitu; (i) keseimbangan unsur-unsur dalam tubuh badan (ii) pemilihan air minuman yang bersesuaian (iii) pemakanan yang seimbang (iv) kesederhanaan dalam pergerakan badan (v) aktiviti mental yang terkawal (vi) kesederhanaan dalam tidur dan (vii) kesederhanaan dalam berjaga.

Berasaskan aspek-aspek tersebut antara perkara penting yang telah dikemukakan juga oleh Ibn Sina adalah kesederhanaan sebagai jalan terbaik bagi langkah penjagaan kesihatan. Ini amat bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah Al-A'raf ayat 31 yang bermaksud:

“Hai anak-anak Adam, pakailah perhiasanmu ketika setiap kali solat. Makanlah dan minumlah tetapi jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak mengasihani orang-orang yang berlebihan”.

Kesederhanaan ini juga menggambarkan aspek-aspek pemeliharaan kesihatan yang boleh disimpulkan kepada dua aspek (Fazlur Rahman, 1996);

- i. mengambil langkah-langkah dalam kesederhanaan pemakanan dan penjagaan kesihatan secara umum bagi mengelakkan sesuatu penyakit.
- ii. mengambil langkah-langkah bagi merawat dan menyembuhkan kesakitan bagi mengembalikan kekuatan tubuh badan kepada keadaan yang sihat.

Islam menganjurkan kesederhanaan dan melarang berlebih-lebihan dalam pemakanan, minuman, hubungan intim dan lain-lain lagi. Manusia hanya memerlukan sekadar keperluan sahaja untuk badannya dan sikap berlebih-lebihan boleh membawa kepada kebinasaan tubuh badan. Begitu banyak ayat al-Quran dan juga saranan *Tibb al-Nabawi* dalam anjuran kepentingan konsep kesederhanaan ini. Sebagaimana maksud sabda Rasulullah SAW ketika melihat Jabir ibn Abdullah al-Ansari menggunakan terlalu banyak air untuk berwuduk:

Wahai Jabir! Jangan berlebih-lebihan dalam menggunakan air. Jabir bertanya baginda: Adakah boleh air itu dibazirkan, wahai Rasulullah?” “Ya”, jawab Rasulullah SAW, “Walaupun kamu berada di tepi sungai.”

Selain itu, Ibn Sina juga menjelaskan kepentingan keseimbangan tubuh badan dalam memelihara kesihatan pada bahagian pertama *al-Qanun* tentang teori *temperament* dan *humor*. Menurut Ibn Sina tubuh badan manusia terdiri daripada empat elemen fizikal iaitu; api, udara, tanah dan air. Setiap elemen tersebut mempunyai sifat dan ciri-ciri yang tersendiri iaitu; tanah – sejuk dan kering, air – sejuk dan lembap, udara – panas dan lembap, api – panas dan kering. Begitu juga unsur-unsur alam semulajadi yang terdiri daripada empat elemen dan juga unsur-unsur

tersebut. Perbincangan Ibn Sina tentang aspek ini meliputi unsur-unsur dalam tubuh badan yang terdiri daripada unsur panas (*hot*), lembap (*moist*), sejuk (*cold*) dan kering (*dry*) yang juga boleh berubah mengikut faktor usia dan keadaan persekitaran. Kesihatan tubuh badan dapat diperoleh apabila tubuh badan dan setiap organ dapat mengekalkan keseimbangan yang bersesuaian dengan elemen-elemen tersebut. Malahan, konsep ini bersesuaian dengan perubatan moden terutamanya jika kita merujuk kepada isu pemindahan organ. Konsep keseimbangan ini dikenali juga sebagai *mizaan*. Konsep *mizaan* merujuk kepada konsep keseimbangan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rahman ayat 7-8 yang bermaksud:

“Dan Allah telah meninggikan langit dan Dia meletakkan neraca (mizaan). Supaya kamu jangan melampaui batas neraca itu”.

Begitu juga penulis kitab *Tibb al-Nabawi*, Ibn al-Qayyim telah menjelaskan dalam karyanya bahawa teori yang diketengahkan pada zaman pertengahan ini penting dalam memastikan pemeliharaan kesihatan tubuh badan dengan memastikan keseimbangan unsur-unsur tersebut. Dalam pembahagian penyakit menurut Ibn Qayyim yang dibahagikan kepada penyakit jiwa dan penyakit jasmani, penyakit jasmani terjadi antaranya disebabkan ketidakseimbangan dalam unsur-unsur di atas. Begitu juga penjelasan Ibn Sina tentang teori sihat dan sakit juga boleh dirujuk kepada teori keseimbangan ini di mana beliau menjelaskan: “Sihat adalah suatu keadaan di mana unsur-unsur dan struktur tubuh badan manusia berfungsi secara benar dan tepat manakala penyakit dan sakit adalah keadaan tidak normal dalam tubuh badan yang mengganggu fungsi biasa tubuh badan manusia”.

Kesimpulan

Dalam hal ini, tidak dapat tidak kita perlu tegaskan bahawa pemikiran Ibn Sina mempunyai kaitan yang rapat dengan perubatan Islam, dan perubatan Islam adalah tidak terhad oleh sempadan masa dan zaman sehingga ia terasing daripada sistem perubatan moden. Perubatan Islam merupakan sistem perubatan yang dikonsepsi dan diasaskan oleh sarjana-sarjana Muslim dari pelbagai bangsa dan etnik semenjak dahulu lagi, iaitu semenjak kelahiran masyarakat Islam terawal dan berterusan hingga ke hari ini. Ia tidak dapat tidak mestilah berdasarkan prinsip-prinsip yang berasal daripada ajaran Islam itu sendiri dan selari dengan tuntutan *Tauhid*

Ilahi. Selain itu, perubatan Islam merupakan salah satu bidang yang terkenal dan termasyhur dalam sejarah ketamadunan Islam yang menjadikannya salah satu cabang sains yang melahirkan tokoh-tokoh Muslim yang sangat gemilang. Kegemilangan tamadun Islam bukan hanya pada zaman pertengahan di mana para doktor Muslim membuat kajian yang mendalam, bahkan ia turut berlaku pada zaman *Renaissance* dan kurun ketujuh belas Masihi. Kita tidak boleh menafikan pengaruh yang dibawa oleh kemajuan perubatan Islam pada zaman pertengahan kepada perubatan moden pada hari ini. Perubatan moden adalah kesinambungan daripada sistem perubatan yang diperkenalkan oleh Ibn Sina khususnya dalam membincangkan pengaruh yang ditinggalkan Ibn Sina terhadap perkembangan intelektualisme zaman pertengahan sama ada terhadap sarjana-sarjana Muslim atau Barat. Pemindahan karya-karya Ibn Sina ke sebelah Barat setelah disalin dan diterjemahkan ke dalam bahasa Latin telah mencetus dan memperkembangkan tradisi keilmuan di Barat khususnya selepas kematian Ibn Rusyd yang dikatakan sebagai ilmuan falsafah terakhir Islam sebelum tamadun Islam mulai menuju zaman malap.

Bibliografi

- Al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1982). *Al-Tibb Al-Nabawi*. Kaherah: Dar Al-Turath.
- Deuraseh, N. (2004). The emergence and the objective of Islamic medicine for the preservation of health. *Al-Shajarah*, 9(1).
- Browne, E. G. (1962). *Arabian medicine*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Elgood, C. (1951). *A medical history of Persia and the eastern caliphate from the earliest times until the year a.d. 1932*. Cambridge: University Press.
- Hathout, Hassan. (1983). *Topics in Islamic medicine*. Kuwait: International Organisation of Islamic Medicine.
- Ibn Khaldun. (1995). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ibn Qayyim Al-Jawziyya. (1998). *Medicine of the Prophet*. Terj. Penelope Johnstone, United Kingdom: Islamic Texts Society.
- Ibn Sina, Abu ‘Ali Al-Husain Ibn ‘Abd Allah. (t.t.). *Al-Qanun fi'l-Tibb*, Jilid I-III, Kaherah.
- Ibn Sina, Abu ‘Ali Al-Husain Ibn ‘Abd Allah. (1970). *The treatise on the canon of medicine of Avicenna*, (Terj. dari jilid pertama), terj. Grunner, O. C. New York: Augustus Kelly Publishers.
- Ismail Saad. (1985). *Pengenalan tamadun Islam dalam ilmu Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasule, Omar Hasan. (Jun 2005). Concept of Islamic medicine. *International Medical Journal*, 4(1).
- Nasr, Seyyed Hossein. (1964). *Three Muslim sages: Avicenna, Suhrawardi, Ibn 'Arabi*. Cambridge, Mass: Harvard University Press.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1987). *Science and civilization in Islam*, Edisi Kedua. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Nasr, Seyyed Hossein. (1999). *The history and philosophy of Islamic science*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Osman Bakar. (1999). *The history and philosophy of Islamic science*. Cambridge: The Islamic Texts Society.
- Rahman, F. (1996). *Kesihatan dan perubatan dalam tradisi Islam: Perubahan dan identiti*. Terj. Wan Mohd. Nor Daud & Shahrul Amar Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Sulaiman Nordin (Ed.). (1995). *Sains menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.